ASN MENCAPAI KEJAYAAN YANG GEMILANG

Oleh A. KADIR JASIN

$ NOTA RINGGIT

Apabila Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dilancarkan pada 20hb April tahun 1981, pihak kerajaan dan pengurusan Amanah Saham Nasional Berhad (ANSB) telah menyatakan keyakinan bahawa ia mungkin boleh menghasilkan dividen sekurang-kurangnya 10 sen bagi setiap $1 pelaburan di dalam masa setahun.

Tetapi baru-baru ini ternyata bahawa di dalam masa kurang dari setahun skim ini bukan sahaja berjaya mengeluarkan dividen 10 peratus bagi setiap unit yang dipegang, malahan telah juga berupaya mengeluarkan unit bonus kepada pelabur-pelaburnya pada kadar satu unit percuma bagi tiap-tiap 10 unit yang dipegang.

Sebagai contoh, seorang pelabur yang memiliki 100 unit bernilai $100 akan mendapat dividen sebanyak $10 dan unit tambahan sebanyak 10 bernilai $10. Ini bermakna bagi pelaburan sebanyak $100, seseorang pemegang mendapat keuntungan $20 atau 20 peratus.

Jika dibandingkan dengan faedah dari simpanan bank atau pelaburan melalui pasaran saham, pulangan modal dari ASN ini amatlah memuaskan. Apatah lagi pihak pelabur tidak perlu bersusah-payah membuat penilaian terhadap pelaburannya.

Simpanan tetap di bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan bagi nilai dan tempoh yang sama akan menghasilkan hanya sebanyak kira $10.25, dan penyimpan tidak mendapat faedah dari tokok-nilai modal. Bonus 1 unit bagi tiap 10 unit yang dipegang itu adalah tokok-nilai modal. Nilai modal beliau sekarang ialah $110.

Bagi pemegang unit yang melabur $1,000 untuk tempoh tersebut, pulangan modalnya ialah $200 yang terdiri dari $100 dividen dan $100 unit bonus. Sementara bagi pelabur yang memegang $10,000 pula, pulangan modalnya ialah $2,000 iaitu $1,000 dividen dan $1,000 unit bonus yang diberi percuma.

Pemegang-pemegang unit yang belum sampai tempoh juga menerima dividen dan bonus ini berdasarkan lama masa pelaburan mereka. Jumlah dividen pertama yang dibayar kepada peserta-peserta skim ini bernilai $41,560,000. Seramai lebih 841,000 pelabur mendapat faedah.

Tanpa disedari oleh sebahagian besar dari pelabur-pelaburnya, ASNB dengan menggunakan modal yang mereka sediakan telah melabur di dalam hampir-hampir 60 buah syarikat besar dan sederhana yang bergiat di bidang pengilangan, perladangan, kewangan, timah, pelaburan dan harta benda.

Di sinilah terletaknya keistimewaan dan ketahanan skim amanah jika dibandingkan dengan pelaburan biasa. Di dalam pelaburan biasa, seseorang itu membeli terus saham syarikat yang dipilihnya. Jika syarikat itu membuat keuntungan dia akan mendapat dividen dan jika tidak dia tidak akan mendapat sebarang hasil.

Malahan jika syarikat tersebut rugi teruk, dia mungkin kehilangan modal yang dilaburnya itu. Oleh yang demikian, pelaburan bentuk ini hanya terdaya dilakukan oleh pelabur-pelabur yang bermodal besar dan berpengalaman luas sahaja.

Dengan meluaskan asas pelaburannya, pengurus skim amanah seperti ASN mengurangkan risiko atau kemungkinan dia mengalami kerugian. Jika sebuah atau dua dari syarikat yang disertainya mengalami kerugian kesan buruk ini akan ditasi oleh lain-lain syarikat yang mendapat untung.

Di masa yang sama, pengurus ASN sahaja mendapat dividen dari pelaburannya, dia juga akan mendapat tokok-nilai pelaburan melalui kenaikan nilai saham-saham yang dipegangnya serta pengeluaran saham bonus yang percuma dari masa ke semasa.

Ini jelas terbukti apabila ASNB memperolehi dividen bernilai $41,990,493 dari pelaburannya bagi tempoh antara 14 April hingga 31 Disember, 1981, keuntungan hasil dari penjualan saham-saham yang dipegangnya bernilai $6,453,360 dikeluarkan sebagai dividen, $6,184,232 masih tinggal. Jumlah ini disimpan sebagai persediaan menghadapi kemungkinan berlakunya kemerosotan jangka pendek.

Apa yang membanggakan ialah hakikat bahawa di dalam masa lapan bulan seramai lebih 841,000 pelabur Bumiputera dari semua lapisan hidup telah melabur di dalam skim ini dengan membeli kira-kira 374.6 juta unit.

Dari segi nilai, pelaburan di dalam ASN berjumlah $298.9 juta. Ini merupakan kadar pengumpulan modal yang paling pesat di dalam sejarah skim modalan Nasional Berhad (PNB) yang menjadi syarikat induk kepada ASNB juga mencatatkan pencapaian yang gemilang bagi tahun 1981. Keuntungan dari pelaburannya meningkat dari $16.1 juta kepada $107.9 juta. Hingga masa ini ia telah melabur di dalam 98 buah syarikat.

PNB bukan sahaja telah mengambil alih syarikat-syarikat amanah yang ditubuhkan oleh kerajaan atau agensi-agensinya, malahan telah juga berjaya menguasai beberapa buah syarikat utama yang dulunya dipunyai sebahagian besar oleh pelabur-pelabur luar. Terpenting dari kejayaan ini ialah pembelian di pasaran saham London keseluruhan saham syarikat Guthrie Corporation.

Bagaimanapun, satu perkara yang perlu disedari dan diterima oleh pelabur-pelabur ialah turun naik keuntungan bergantung kepada pencapaian atau prestasi ekonomi dalam dan luar negeri keseluruhannya.

Tahun 1981 adalah tahun yang boleh dikatakan baik bagi sektor syarikat dan pasaran saham walaupun terdapat turun naik harga yang hebat. Ramalan bagi tahun ini tidaklah begitu memuaskan kerana ekonomi Malaysia turut terjejas oleh kemerosotan ekonomi dunia yang berlarutan.

Akan tetapi, ini dijangka tidak akan menjejas prestasi PNB dan ASNB dengan teruk. Peluang yang sederhana dan panjang adalah diramalkan baik. Lagipun, PNB dan ASNB mempunyai tabungan yang sihat bagi mengatasi kesan jangka pendek ini.

Pengerusi PNB dan ASNB, Tun Ismail Ali di dalam laporan tahunan beliau memberi jaminan bahawa PNB akan terus mengamalkan dasar pelaburan yang kukuh bagi membentuk kumpulan modal saham (portfolio) yang memenuhi syarat keuntungan serta peluang perkembangan yang tinggi.

TUN Hussein Onn menyerahkan wang kepada Tun Ismail Ali setelah melancarkan skim ASN April tahun lalu.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia